

SOALAN NO. 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 20 OKTOBER 2016

SOALAN :

YB Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa jumlah penjawat awam semakin bertambah sungguhpun polisi penswataan projek-projek Kerajaan adalah untuk mengurangkan jumlah penjawat awam.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 754 projek secara kerjasama awam swasta (Public Private Partnership – PPP) telah dilaksanakan sejak Dasar Penswastaan diperkenalkan pada tahun 1983. Penswastaan telah berjaya mengurangkan beban pentadbiran kerajaan khususnya penjimatan dari segi tanggungan kewangan Kerajaan dalam membuat bayaran gaji kakitangan awam.

Pengambilan adalah mengikut keperluan untuk mengisi perjawatan baharu yang diwujudkan dalam sektor yang kritikal iaitu di sektor kesihatan, pendidikan dan keselamatan selari dengan jumlah pertambahan penduduk bagi memastikan proses penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat dapat terus dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Melalui pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-11, sasaran nisbah saiz Perkhidmatan Awam kepada penduduk yang ditetapkan adalah 1:20 pada tahun 2020. Bagi memastikan sasaran ini dapat dicapai, pihak Kerajaan melalui pelaksanaan Inisiatif Penggunaan Sumber Manusia Secara Optimum pada April 2015 telah menetapkan jumlah penjawat awam tidak melebihi daripada jumlah 1.61 juta. Langkah kawalan saiz Perkhidmatan Awam ini bukan pertama kali dilaksanakan kerana telah dilaksanakan juga pada tahun 2008, 2010 dan 2011.

Sekian, terima kasih.